

14/08/2001

Pencarum dakwa peralatan komputer tidak tulen

Pencarum KWSP

IDEA skim pembelian komputer melalui KWSP supaya setiap rumah mempunyai satu komputer seperti yang disyorkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad amatlah bagus dan disokong.

Cuma pengalaman saya dan pencarum lain yang ingin memiliki komputer melalui skim ini amatlah menyedihkan.

Saya memohon untuk membeli komputer melalui ejen di bawah skim Pos Malaysia/Oda Saja. Tempahan saya telah dibuat pada April 2001 dan sehingga Julai, komputer saya belum sampai lagi.

Setelah saya membuat panggilan ke Oda Saja beberapa kali dan pergi sendiri kepada ejennya sebanyak lebih tiga kali. Hanya pada awal Ogos barulah saya dapat komputer saya. (Itupun kerana saya sendiri mengambil komputer itu).

Malangnya, komputer yang diterima langsung tidak boleh digunakan kerana selalu crash. Alatan komputer seperti pemprosesan mikro, CD-ROM, papan kekunci, litar utama dan tetikus semuanya bukan yang tulen dan langsung tidak berjenama serta tiada kualiti. Sehingga sekarang peralatan seperti modem dan CD-ROM langsung tidak berfungsi.

Oda Saja perlu ingat bukannya semua pembeli komputer buta IT seperti sesetengah pekerja Oda Saja dan ejennya.

Juga di sini Oda Saja diingatkan bahawa wang KWSP adalah wang pencarum dan bukannya kepunyaan ODA Saja. Mereka perlulah prihatin serta mengubah sikap kurang bertanggung jawab kerana mengejar keuntungan daripada penat lelah pekerja negara ini.